



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : ISLAMIC FINANCIAL MANAGEMENT
KOD KURSUS : DPI2173
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:
BAHAGIAN A (30 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Huraikan **TIGA (3)** elemen yang dilarang di dalam pelaburan Islam.

(6 markah)

SOALAN 2

Huraikan mana-mana **TIGA (3)** rukun pelaburan Islam.

(6 markah)

SOALAN 3

Terangkan istilah yang berikut :

- i. Sadaqah
- ii. Jizyah
- iii. Kafalah
- iv. Al-fuqara
- v. Hibah
- vi. Baitulmal

(6 markah)

SOALAN 4

Bincangkan **TIGA (3)** prinsip sistem ekonomi Islam.

(6 markah)

SOALAN 5

Huraikan **TIGA (3)** pengkelasan riba'.

(6 markah)

[30 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan, jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Takrifkan 'zakat fitr' dan 'zakahal-mal'.
(3 markah)
- b. Terangkan secara ringkas **DUA (2)** perbezaan di antara 'zakat fitr' dan 'zakahal-mal'.
(4 markah)
- c. Terdapat lapan (8) penerima dana zakat berdasarkan surah At-Taubah ayat 60 dalam Al-Quran. Senaraikan **ENAM (6)** penerima zakat tersebut.
(3 markah)

SOALAN 2

- a. Terangkan **DUA (2)** syarat zakat.
(4 markah)
- b. Nyatakan **SATU (1)** dalil mengenai kewajipan zakat.
(3 markah)
- c. Terangkan **TIGA (3)** prinsip takaful.
(3 markah)

SOALAN 3

- a. Terangkan konsep wasiat dan hibah dari perspektif Islam.
(4 markah)
- b. Huraikan **TIGA (3)** rukun wassiyah.
(6 markah)

SOALAN 4

- a. Takrifkan perkataan zakat literal dan teknikal.
(4 markah)
- b. Zakat memainkan peranan yang penting dalam sistem ekonomi Islam.
Bincangkan **TIGA (3)** kepentingan moral dan material zakat dalam Islam.
(6 markah)

SOALAN 5

- a. Berikan definisi takaful dari segi bahasa dan syarak.
(4 markah)
- b. Senaraikan **ENAM (6)** syarikat pengendali takaful yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia (BNM).
(6 markah)

SOALAN 6

- a. Berikan definisi perancangan kewangan Islam.
(2 markah)
- b. Huraikan **EMPAT (4)** faedah perancangan kewangan Islam.
(8 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi TIGA (3) soalan. Jawab DUA (2) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Sistem takaful merupakan sistem yang diwujudkan sebagai alternatif kepada sistem insuran konvensional. Terangkan dengan jelas **LIMA (5)** perbezaan antara sistem takaful dengan sistem insuran konvensional.

(10 markah)

SOALAN 2

Kewangan Islam berbeza berbanding perancangan kewangan konvensional di mana ia lebih mementingkan tentang harta yang halal melalui zakat dan sedekah. Bincangkan **LIMA (5)** kepentingan zakat dan sedekah di dalam perancangan kewangan.

(10 markah)

SOALAN 3

"Hai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman."

(Surah al-Baqarah : 275)

Dari terjemahan ayat di atas, huraikan **EMPAT(4)** rational disebalik pengharaman riba'.

(10 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

